

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2014

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa hari special draw telah diluluskan untuk semua syarikat nombor ekor dalam tahun 2012, 2013 dan 2014. Apakah pendapatan yang diterima oleh syarikat-syarikat tersebut dan pendapatan cukai kepada Kerajaan ekoran daripada special draw itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan cabutan khas sebanyak **dua puluh dua hari (22) bagi** tahun 2012, 2013 dan 2014 untuk semua operator nombor ramalan (NFO) di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, jumlah pendapatan yang diterima oleh syarikat-syarikat tersebut daripada hasil cabutan khas bagi tempoh 2012 sehingga 15 Mei 2014 adalah sebanyak **RM2,503,011,836.00** manakala jumlah pendapatan cukai Kerajaan daripada hasil tersebut adalah sebanyak **RM565,980,821.73**.